

Praktis 2

Tema Buku Teks: Sains, Teknologi dan Inovasi

Berdasarkan maklumat yang disediakan, tulis sebuah karangan pendek yang panjangnya antara 50 hingga 80 patah perkataan.

Lengkapkan perenggan yang diberikan dengan ayat yang sesuai.

Implikasi Penggunaan Telefon Pintar



Ketagihan

Kesihatan terjejas

Pembaziran masa

Rangka Karangan

Pendahuluan

Telefon pintar – implikasi negatif – gagal mengawal penggunaannya

Isi 1

Mengundang ketagihan kepada seseorang – gelisah dan takut – nomofobia

Isi 2

Kesihatan terjejas – gagal memberikan tumpuan – semasa belajar

Isi 3

Kegilaan permainan video – membazirkan masa

Penutup

Berikhtiar – masalah dapat dikawal – tidak menular

Karangan Cemerlang

- Keadaan ini dikenali sebagai nomofobia.
- Sebelum nasi menjadi bubur, berikhtirlah agar masalah ini dapat dikawal dan tidak terus menular.
- Mereka juga gagal memberikan tumpuan dalam pelajaran.
- Penggunaan telefon pintar secara berlebihan akan mengundang ketagihan kepada individu.

Telefon pintar mendatangkan pelbagai implikasi negatif jika kita gagal mengawal penggunaannya.

(1) _____

Mereka akan berasa tidak senang duduk, gelisah dan takut. (2) _____

Ketagihan ini akan membuatkan mereka kurang berinteraksi dan mengalami insomnia. Sekiranya perkara ini berlaku, kesihatan mereka akan terjejas. (3) _____

Selain itu, kegilaan remaja terhadap permainan video mengakibatkan pembaziran masa.

(4) _____